KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

TEKS UCAPAN

YANG BERHORMAT
DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID
MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

SEMPENA
MAJLIS IFTAR WARGA DESA KEDA
BERSAMA
YB MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

22 APRIL 2022 (JUMAAT)
BERSAMAAN 20 RAMADAN 1443 H
5.30 PETANG,
PUSAT KOMUNITI PADANG KERASAK
NAKA, PADANG TERAP, KEDAH

Bismillahirrahmanirrahim,
Terima kasih saudara Pengacara Majlis

Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam Sejahtera
Salam Luar Bandar Sejahtera

(SENARAI SALUTASI)

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah InayahNya dapat kita berkumpul dan bersama-sama pada Majlis Iftar Warga Desa KEDA sempena Ramadan Al Mubarak Tahun 2022 bertempat di Pusat Komuniti Padang Kerasak, Naka, Padang Terap.

2. Sebelum itu, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada KEDA kerana sudi menganjurkan majlis ini.

Sidang Hadirin Sekalian,

BANTUAN EKONOMI

3. Keharmonian sesebuah masyarakat bergantung sejauhmana kemantapan dan keutuhan hubungan pada setiap lapisan masyarakatnya. Usaha untuk mempertingkatkan keharmonian dan kesejahteraan sesebuah kampung memerlukan komitmen/iltizam, permuafakatan dan semangat daya maju yang tinggi di kalangan kepimpinan kampung dan juga penglibatan masyarakat setempat.

4. Dalam Islam, penekanan awal adalah aspek menjalinkan hubungan erat di kalangan masyarakatnya. Ianya tidak terhad kepada sesama umat Islam sahaja malahan melepasi batas agama, bangsa, keturunan, warna kulit, bahasa dan sebagainya. Permuafakatan yang erat adalah antara ciri-ciri masyarakat yang berkualiti di mana masyarakatnya bukan sahaja berjaya mewujudkan suasana harmoni dan aman sesama mereka bahkan menjadi aset paling penting kepada negara dalam usaha membangun dan memajukan negara, baik ketika senang mahupun susah.

5. Bagi pemajuan kawasan luar bandar di Kedah, KEDA berperanan dalam membantu dan melengkapkan aktiviti pembangunan di luar bandar dengan melibatkan 3 aspek utama iaitu pembangunan fizikal, pembangunan ekonomi dan pembangunan modal insan. Dengan ini akan dapat merapatkan jurang perbezaan pembangunan di antara luar bandar dengan bandar.

6. Untuk merancakkan aktiviti ekonomi setempat, pembangunan sosio ekonomi perlu dilihat secara lebih dekat dengan penganjuran program-program bantuan ekonomi dan latihan/kursus yang berkaitan mengikut kesesuaian dan keperluan penduduk di sesuatu kampung bagi membantu meningkatkan pendapatan khususnya.

7. Kesan dari pendemik Covid-19 mengakibatkan kemerosotan ekonomi yang agak drastik dan memberi impak besar kepada ekonomi negara. Bagi menangani situasi tersebut, pelbagai projek dilaksanakan dengan segera bagi membantu memulihkan ekonomi yang terjejas.

8. Salah satunya adalah program pemberian bantuan ekonomi yang sedia ada kepada kumpulan sasar (petani, usahawan dan institusi luar bandar) perlu dipergiatkan lagi hebahan ke kawasan luar bandar yang terpencil khususnya supaya penyampaian maklumat dapat disampaikan kepada penduduk secara langsung.

9. Untuk Rancangan Malaysia Ke12 bagi tahun ini (RP2, RMK12), KPLB telah diluluskan peruntukan pembangunan keseluruhan sebanyak RM7.01 billion yang merangkumi peruntukan untuk jabatan/agensi di bawah KPLB. Peruntukan bagi Negeri Kedah adalah sebanyak RM243.2 juta. Dari jumlah tersebut, kelulusan untuk KEDA pula adalah sebanyak RM46.4 juta yang melibatkan 23 projek (19 projek sambungan dan 4 projek baharu).

10. Sebanyak 7 projek/program dengan jumlah peruntukan sebanyak RM6.4 juta yang mempunyai komponen berbentuk bantuan ekonomi dan pembangunan keusahawanan. Anggaran penerima manfaat yang akan menerima impak dari projek/program tersebut adalah seramai 10,350 orang.

11. Saya dimaklumkan pada hari ini ada 10 orang penerima bantuan ekonomi dari Daerah Padang Terap dijemput hadir bersama ke majlis ini. Penerima bantuan ini akan menerima bantuan ekonomi dari Program Transformasi Desa Dan Pengupayaan Komuniti (PTDPK) dan Projek Pertanian Petani Luar Bandar (PPLB).

12. Satu lagi projek pembangunan bersepadu yang akan dilaksanakan oleh KEDA mulai tahun ini iaitu PROSPEK Pedu dengan jumlah peruntukan sebanyak RM8 juta untuk tempoh 5 tahun. Projek ini akan membantu merancakkan lagi ekonomi pembangunan setempat di Padang Terap. Limpahan impak pembangunan projek ini akan dirasai di kawasan sekitar khususnya dan Negeri Kedah amnya.

13. Saya berasa amat gembira sekiranya projek seumpama ini dapat terus dilaksanakan di kawasan luar bandar kerana dapat membantu menyediakan peluang kepada masyarakat luar bandar untuk menjana ekonomi setempat khususnya dan tingkatkan pendapatan keluarga.

Sidang Hadirin Sekalian,

BAKUL MAKANAN

14. Sepertimana yang kita tahu, KEDA memang sudah begitu sinonim dengan perumahan Desa KEDA yang dibangunkan dalam kawasan operasi KEDA untuk golongan B40 dan miskin/miskin tegar yang layak dan didaftar sebagai penerima e-kasih. Projek pembangunan perumahan ini telah dijalankan KEDA sejak Rancangan Malaysia Ke Empat (RMKe-4).

15. Perumahan Desa KEDA PPRT iaitu 44 penempatan telah dibangunkan dengan jumlah rumah sebanyak 3,857 unit. Perumahan Desa KEDA ini akan diberi geran hakmilik kepada penduduknya. Buat masa ini, jumlah geran yang telah diberi hakmilik kepada KEDA adalah sebanyak 2,771 unit dengan anggaran keseluruhan nilai hartanah sebanyak RM166 juta.

16. Di Parlimen Padang Terap ini, terdapat 9 Desa KEDA yang dibangunkan dengan jumlah rumah sebanyak 751 unit. Buat masa ini, 3 Desa KEDA dalam proses pindah hakmilik kepada peserta iaitu Desa KEDA Bendang Tok Teri, Desa KEDA Belukar dan Desa KEDA Kubang Kenyeng Fasa 1.

17. Saya berasa bangga akan komitmen dan prestasi yang telah ditunjukkan oleh KEDA sebagai agensi pelaksana dan agensi ini adalah sangat dekat di hati rakyat. Ucapan tahniah kepada KEDA atas keprihatinan dan kesungguhan menguruskan proses penyerahan geran hakmilik kepada penduduk di Desa-desa KEDA.

18. Bersama kita hari ini, 90% kehadiran tetamu adalah penduduk Desa KEDA dari Daerah Padang Terap. Di kesempatan ini juga, saya akan menyampaikan sedikit sumbangan bakul makanan dari Parlimen Padang Terap kepada wakil-wakil penduduk Desa KEDA yang hadir.

Sidang Hadirin Sekalian,

PENDIDIKAN TEKNIKAL DAN LATIHAN VOKASIONAL (TVET)

19. Kolej KEDA merupakan institusi latihan kemahiran TVET milik KEDA yang bertanggungjawab melahirkan pelajar luar bandar berkemahiran. Sehingga kini, seramai 7,740 pelajar telah mendapat latihan kemahiran di Kolej KEDA. Kursus-kursus yang ditawarkan melibatkan kursus jangka panjang dan kursus jangka pendek.

20. Bagi mengelak pelajar berkemahiran berhijrah keluar, kini banyak peluang pekerjaan di Kedah yang boleh diceburi oleh pelajar-pelajar berkemahiran seperti projek Kedah *Rubbercity* (KRC) di Padang Terap yang akan membuka peluang pekerjaan dengan jangkaan sebanyak 7,000 pekerjaan baharu dengan kemasukkan pelabur-pelabur luar.Selain itu, Kulim High Tech Park di Kulim juga yang mempunyai banyak syarikat industri besar dan komersial yang sedang/akan beroperasi serta projek Kedah Aerotropolis (KXP) di Mukim Sidam Kiri, Kuala Muda.

21. Bila disentuh bab tahap pendidikan di kalangan penduduk Desa KEDA kini, saya dimaklumkan ramai anak-anak penduduk Desa KEDA telah berjaya sehingga ke menara gading. Bahkan ada seramai 5 orang yang telah pun memperolehi kelulusan peringkat Doktor Falsafah.

22. Kejayaan ini patut dibanggakan kerana kebanyakan penduduk Desa KEDA terdiri dari kalangan yang kurang dari segala aspek seperti pendidikan dan harta benda. Kemahuan penduduk Desa KEDA untuk keluar dari kepompong kemiskinan patut dipuji. Mereka berusaha bekerja keras untuk menyara keluarga dan berikan pendidikan yang terbaik kepada anak-anak mereka.

23. Bersama-sama kita juga hari ini, pihak KEDA menjemput seorang anak Desa KEDA Sadek, Baling iaitu Dr. Mohd Shukri bin Abd Hamid yang merupakan seorang pensyarah di Universiti Utara Malaysia (UUM) untuk hadir bersama. Mungkin kita boleh berkongsi cerita mengenai pengalaman dan idea bagaimana beliau boleh membantu dalam membangun dan memajukan lagi penempatan Desa KEDA bagi mencapai hasrat KPLB untuk mewujudkan banyak Kampung Sejahtera di Negeri Kedah.

24. Konsep Kampung Sejahtera yang dimaksud adalah menjadikan institusi pentadbiran kampung sebagai satu entiti berdikari bagi memastikan kelangsungan pembangunan dan kesejahteraan masyarakat luar bandar dicapai dengan penglibatan pelbagai pihak.

25. Selain beliau, Desa KEDA dari Padang Terap juga ada anak yang telah berjaya iaitu Dr. Mokhtar bin Yahya dari Desa KEDA Bendang Tok Teri yang kini sedang berkhidmat di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Johor.

26. Saya amat berbangga dengan kejayaan seperti ini. Sekali lagi di kesempatan ini juga saya ingin mengingatkan semua agensi KPLB mengenai penjenamaan semula agensi masing-masing dan menetapkan hala tuju baharu dalam gerak kerja agensi.

27. Hala tuju baharu yang akan dibentuk perlu dilihat dalam perspektif yang lebih luas bagi memastikan ia dapat memberi impak kepada Negara dan selari dengan hasrat Keluarga Malaysia bagi pemulihan ekonomi Negara dalam norma baharu pasca pandemik.

Sidang Hadirin Sekalian,

PENUTUP

28. Sebelum saya mengakhiri ucapan kali ini, saya ingin mengajak semua hadirin, marilah sama-sama kita tingkatkan ibadah di bulan mulia ini supaya ianya menjadi bekalan kita di akhirat kelak dan mohon agar Allah SWT mengampunkan dosa-dosa kita.

29. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan Selamat Menjalani Ibadah Puasa dan Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri yang akan menjelang tidak lama lagi.

30. Sekalung tahniah kepada KEDA yang telah menjayakan program kali ini. Akhir sekali, saya ingin berpesan kepada diri saya dan semua bahawa perjuangan kita dalam mengekang penularan Covid19 ini masih belum selesai walaupun kita sudah mencapai fasa endemik. Amalkan 3W iaitu *Wash, Wear* dan *Warn*.

Sekian,
Wabillahi taufiq wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.